

Mendedahkan penjenayah perang

UM- 5/2/2007

Oleh HATA WAHARI
(WARTAWAN UTUSAN)

HARI ini Persidangan Antarabangsa Pendedahan Jenayah Perang-Jadikan Peperangan Satu Jenayah anjuran Pertubuhan Keamanan Sejagat Perdana (PGPF) akan berlangsung sehingga Rabu dengan satu matlamat iaitu penubuhan Suruhanjaya Jenayah Perang dan Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur.

Program tahunan anjuran PGPF untuk menjenayahkan perang ini merupakan inisiatif masyarakat antarabangsa yang digerakan oleh Malaysia melalui PGPF untuk memastikan tidak berlakunya peperangan di dunia pada masa depan yang bukan sahaja menyebabkan kesengsaraan kepada penduduk sesebuah negara tetapi juga kepedihan dirasakan oleh seluruh umat manusia.

Penubuhan Suruhanjaya dan Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur yang akan membicarakan bukan sahaja individu-individu yang melakukan jenayah perang tetapi juga ketua-ketua negara yang mengarahkan dilancarkan perang merupakan satu daripada gerakan untuk menghapuskan peperangan di muka dunia ini.

Anggota-anggota suruhanjaya belum diputuskan tetapi bagi ahli tribunal ia akan dipengerusikan oleh bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Abdul Kadir Sulaiman dan dianggotai beberapa bekas hakim termasuk bekas Hakim Besar Malaya, Tan Sri Siti Norma Yacob dan bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Abu Mansor Ali.

Buat permulaan lapan mangsa jenayah perang yang berasal dari Lebanon, Palestin dan Iraq akan membawa kes



mereka ke tribunal ini selepas usaha mendapat sokongan dari seluruh dunia gagal mereka datang ke Malaysia dan menggunakan platform persidangan antarabangsa ini untuk mendapatkan pembelaan.

Pengerusi PGPF yang juga bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad memberitahu, bahawa anggota-anggota suruhanjaya dan tribunal jenayah perang ini terdiri daripada hakim, peguam dan individu yang pakar dalam undang-undang antarabangsa.

"Saya boleh memberikan jaminan bahawa Suruhanjaya dan Tribunal Jenayah Perang ini bukanlah sebuah 'mahkamah kanggaru' yang membicarakan seseorang secara membabi-buta.

"Ia akan dilaksanakan secara teliti

dan mengikut lunas-lunas undang-undang antarabangsa walaupun mereka yang didakwa melakukan jenayah perang itu tidak hadir untuk dibicarakan, bukan sesuatu yang aneh perbicaraan dijalankan tanpa tertuduh kerana ia pernah dilakukan sebelum ini," katanya dalam sidang media selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan ahli panel PGPF.

Objektif persidangan antarabangsa ini selain untuk penubuhan Suruhanjaya dan Tribunal Jenayah Perang ia juga bertujuan untuk mendidik masyarakat dunia serta untuk memastikan mereka yang terlibat dalam peperangan perlu dipertanggungjawab atas jenayah yang dilakukan.

Persidangan antarabangsa ini juga untuk mencabar masyarakat dunia adakah mereka tidak ada lagi perasaan belas kasihan sehingga membenarkan jenayah perang dilakukan, untuk menanamkan 'Tiada Peperangan Tetapi Keamanan' dan 'Jadikan Perang Sebagai Sejarah' serta memberi ruang untuk berdebat, berbincang dan berkongsi kedudukan mengenai peperangan yang mengancam kepupusan manusia di muka bumi ini.

Sebanyak 22 individu ternama akan membentangkan kertas kerja masing-masing dan acara yang paling perlu dihadiri ialah pengalaman ngeri seorang penduduk Iraq yang mengalami penderaan yang lebih dikenali 'Orang yang memakai Tukup' Ali Shalah.

Pengucap utama persidangan ialah Dr. Mahathir yang akan berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Persidangan antarabangsa menjenayahkan perang merupakan fasa terbaru PGPF untuk mewujudkan dunia yang

lebih aman kerana ia bukan sahaja membicarakan atau membincangkan mengenai peperangan yang diuar-uarkan berdasarkan persepsi Barat sahaja seperti Darfur, Sudan.

Ia akan merangkumi jenayah perang yang berlaku di Iraq dan Palestin memandangkan selama ini Barat melihat kedua-dua peperangan yang berlaku di kedua-dua negara itu bukan satu jenayah perang.

"Persidangan antarabangsa ini akan membuat ketetapan untuk menjadikan mereka yang bertanggungjawab melancarkan peperangan di Iraq dan Palestin merupakan penjenayah perang, label yang paling ditakuti oleh ketua-ketua negara.

"Ketua-ketua negara ini sebelum ini bebas melakukan apa sahaja untuk memastikan jenayah perang ini dilakukan dan bebas daripada dilabelkan sebagai penjenayah perang, telah tiba masanya untuk melabelkan mereka sebagai penjenayah perang," kata Dr. Mahathir.

Persidangan ini juga pastikan medan untuk mendedahkan lagi banyak kesengsaraan peperangan yang sedang melanda dunia sekarang bukan sahaja di Iraq dan Palestin tetapi di seluruh dunia yang masih belum didedahkan secara meluas dan sebenarnya.

Apa yang diharapkan dapat dicapai dalam pelabelan ini ialah pada masa depan terdapat negara-negara di dunia ini akan mengisytiharkan bahawa perang adalah satu jenayah dan perlu diharamkan.

Masyarakat antarabangsa mahukan dunia tanpa peperangan, pertikaian antara negara tidak harus berakhir dengan peperangan dan ingin lihat dunia yang lebih aman pada masa depan tanpa peperangan.